

- [English](#)
- [Berita](#)
- [Video](#)
- [Foto](#)
- [Live](#)

[Toggle navigation](#) 

-
-
-

[English](#)

[Berita](#)

[Video](#)

[Foto](#)

[Live](#)

[Rancangan](#)

487

[Malaysia](#)

[Dunia](#)

- [Bisnes](#)

- [Sukan](#)

- [ONE Championship](#)

- [Hiburan](#)

- [Teknologi](#)

- [Gaya Hidup](#)

- [Politik](#)

- [Kolumnis Awani](#)

- [Perspektif](#)

- [Ceritalah ASEAN](#)

- [Rancangan](#)

- [Personaliti Awani](#)

-

◦

◦

◦

◦



NOTIS

[Beralih ke pengalaman baharu laman web Astro AWANI. Klik di sini!](#)

[Kolumnis Awani](#) | [Malaysia](#)

Pendigitalan masyarakat: Bersediakah kita?

[Dr Mahyuddin Daud](#) Pensyarah Kanan (Undang-undang Siber) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

April 28, 2020 13:24 MYT



487

Terma masyarakat digital amat sinonim dengan information society atau network society - suatu teori yang popular di kalangan pengkaji governans Internet dan pengurusan. - Gambar hiasan

PADA tanggal 25 April 2020, Perdana Menteri mengumumkan bahawa proses ‘Pendigitalan Masyarakat’ Malaysia perlu dipercepat.

Sejak dunia dilanda pandemik COVID-19, dunia pendidikan yang terdiri daripada cerdik pandai dikejutkan dengan gelombang *e-learning* yang mengejutkan mereka dari ‘tidur’.

Terdapat juga golongan pendidik yang sudah lama terbiasa dengan penggunaan *e-learning*, namun tidak kurang juga yang baru pertama kali baru mencubanya.

Jika dilihat dari sudut falsafah, terma masyarakat digital amat sinonim dengan ‘*information society*’ atau ‘*network society*’ - suatu teori yang popular di kalangan pengkaji *governans Internet* dan pengurusan.

Dalam erti kata lain, informasi menjadi nadi masyarakat yang diperhebat dengan elemen kesalinghubungan yang terdapat pada teknologi.

Selari dengan hasrat pendigitalan masyarakat Malaysia, kerajaan telah mengambil pelbagai pendekatan untuk meningkatkan akses Internet secara berperingkat sejak beberapa tahun lalu.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah melaporkan kadar aksesibiliti Internet di Malaysia mencapai lebih dari 85 peratus setakat 2018 dan ini dijangka terus meningkat menjelang perlaksanaan 5G kelak.

Di bawah Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara [National Fiberisation and Connectivity Plan (NFCP)] bagi tahun 2020, RM3 billion

telah diperuntukkan untuk mengurangkan jurang digital melalui peluasan liputan dan peningkatan kualiti perkhidmatan jalur lebar talian tetap dan mudah alih, selain menyediakan asas bagi rangkaian baharu untuk teknologi 5G.

Di sebalik statistik yang mengagumkan ini, masih terdapat sebilangan komuniti di Malaysia tidak mendapat akses kepada Internet.

Selain masalah ketiadaan atau kekurangan liputan, masih ada yang tidak mempunyai komputer maupun telefon pintar.

Jikapun ada, hanya ketua keluarga yang memiliki satu unit asas. Jika keadaannya sedemikian, besar kemungkinan ia menjadi satu halangan besar untuk pempercepatkan proses pendigitalan masyarakat yang dihasratkan oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Apakah kerajaan perlu mengeluarkan sejumlah perbelanjaan untuk membeli telefon pintar buat mereka yang tidak berkemampuan pula?

Dalam pada itu, mereka yang mempunyai akses Internet yang baik tidak kurang juga terdedah kepada risiko-risiko keselamatan siber.

“ mik COVID-19 telah memaksa para pekerja untuk bekerja di rumah secara atas talian.

unaan aplikasi Zoom meningkat secara mendadak dari 10 juta pengguna sehari kepada 200 juta pengguna.

tor aplikasi Zoom telah mengesahkan data-data pengguna mungkin terdedah kepada ancaman keselamatan siber.

n begitu, Zoom telah mengambil langkah-langkah untuk menaiktaraf sistem keselamatannya demi melindungi keselamatan data pengguna pada April tempoh hari.

487

e pula dilihat tidak menghadapi masalah dalam menangani ‘letusan’ pengguna yang bekerja dari rumah sepanjang musim Perintah Kawalan akan (PKP) ini, mungkin kerana persediaan dari pelbagai sudut.

Pengguna Internet turut terdedah kepada kandungan terlarang seperti berita palsu semasa berkomunikasi dalam talian.

Sebagai contoh, semasa dunia sedang melawan pandemik COVID19 ini, terlalu banyak berita palsu yang disebarluaskan di platform media sosial setiap hari.

Sebagai langkah responsif, Facebook memberi komitmen untuk membendung berita palsu berkenaan COVID-19 dengan penggunaan teknologi *machine learning, artificial intelligence* dan moderasi kandungan (*content moderation*).

Walaupun penggunaan teknologi untuk membendung berita palsu diperluas, peranan manusia dalam menilai semula tapisan automatik tetap dilakukan sebagai prosedur operasi standard mereka untuk mengelakkan penapisan kandungan Internet yang keterlaluan.

Berdasarkan cabaran yang diutarakan penulis, idea pendigitalan masyarakat dilihat suatu permulaan yang baik untuk tahun 2020.

Ia memberi anjakan paradigma buat masyarakat supaya lebih cakna dalam mempersiapkan diri menghadapi Revolusi Industri 4.0.

Apapun teknologi yang dibina tentunya akan datang dengan cabaran tertentu. Penulis mengharapkan masyarakat digital Malaysia terus maju dalam arus pemodenan tanpa melupakan nilai-nilai murni dan budaya ketimuran yang menjadi identiti kita buat selamanya.

**Dr. Mahyuddin Daud ialah Pensyarah Kanan (Undang-undang Siber) di Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.*

***Kenyataan di dalam artikel ini adalah pandangan peribadi penulis dan tidak mencerminkan pandangan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Astro AWANI.*



Dapatkan berita kami melalui emel anda

Emel Anda

Hantar

Tag: [Kolumnis AWANI](#), [COVID19](#), [e-learning](#), [pendigitalan masyarakat](#), [Malaysia](#), [Google](#), [Zoom](#), [Perintah Kawalan Pergerakan](#)

Komen Anda?

0 Comments

Sort by **Newest**

Add a comment...

Facebook Comments Plugin

* Klik pada "Sort by" untuk kemaskini komen

PENAFIAN:

Astro AWANI tidak bertanggungjawab terhadap pendapat yang diutarakan melalui artikel ini. Ia pandangan peribadi pemilik akaun dan tidak semestinya menggambarkan pendirian kami. Segala risiko akibat komen yang disiarkan menjadi tanggungjawab pemilik akaun sendiri. Terima kasih.

Lihan

[D-19:Terkini Data COVID-19 SemakFakta English](#)

a Berkaitan

487



[The Pedas Cluster has infected 60 people so far - MOH](#)



[MOM lulus bantuan kewangan untuk 30 ahli naungannya](#)



[Bursa Malaysia ditutup tinggi seiring kebanyakan pasaran serantau](#)



[Gerak Malaysia: Second day of interstate travel proceeds smoothly.](#)



[COVID-19: 88 cases recovered, 68 new cases reported - MOH](#)

Video Berkaitan



[Perluas kegunaan ATM beras ketika PKP](#)



Perkembangan pelajar Malaysia di Jepun



[Kanak-kanak positif COVID-19 mungkin menunjukkan gejala berbeza daripada orang dewasa](#)



[610 ribu penganggur dalam negara pada Mac](#)



[\[SIDANG MEDIA\] Harian Perintah Kawalan Pergerakan Fasa Keempat](#)

Juga Menarik Dari Laman Web

DARI LAMAN WEB



DARI LAMAN WEB



DARI LAMAN WEB



DARI LAMAN WEB



DARI LAMAN WEB

Research Digital Non-Contact Thermometer Cost In Kuala Lumpur. The Cost Might Surprise You.
eAnswers.com

Dwayne 'The Rock' Johnson Picks Up \$9.5 Million Georgia Farm
Mansion Global

'Life of Pi' actor Irrfan Khan dies of cancer at 54
Nikkei Asian Review

Change of leadership in North Korea threatens economic trouble for all
Nikkei Asian Review

Adam Levine Buys Massive Mansion in LA
Mansion Global

Recommended by

↗ Pilihan

[COVID-19:Terkini Data COVID-19 SemakFakta English](#)
Berita Berkaitan

Video Berkaitan



[The Pedas Cluster has infected 60 people so far - MOH](#)



[MOM lulus bantuan kewangan untuk 30 ahli naungannya](#)



[Bursa Malaysia ditutup tinggi seiring kebanyakan pasaran serantau](#)



[Gerak Malaysia: Second day of interstate travel proceeds smoothly.](#)

487



[COVID-19: 88 cases recovered, 68 new cases reported - MOH](#)



[Perluas kegunaan ATM beras ketika PKP](#)



[Perkembangan pelajar Malaysia di Jepun](#)



[Kanak-kanak positif COVID-19 mungkin menunjukkan gejala berbeza daripada orang dewasa](#)



[610 ribu penganggur dalam negara pada Mac](#)



[\[SIDANG MEDIA\] Harian Perintah Kawalan Pergerakan Fasa Keempat](#)

- [Terkini](#)
- [popular](#)

- **BISNES**

[COVID-19: AIA tawar pengecualian pembayaran caruman selama 3 bulan](#)

- **MALAYSIA**

[Petugas media Sarawak terima insentif RM1500](#)

- **BISNES**

[Facebook anjur acara perniagaan dalam talian untuk perniagaan kecil](#)

- **MALAYSIA**

[Soalan lazim MITI berkaitan PKPB](#)

- **SUKAN**

[MOM lulus bantuan kewangan untuk 30 ahli naungannya](#)

- **BISNES**

[Bursa Malaysia ditutup tinggi seiring kebanyakan pasaran serantau](#)

- **BISNES**

[Penyelesaian Petronas-Sarawak: Pendekatan mampan ekonomi, kewangan, sosial negara - PM](#)

- BISNES

[Konflik Petronas dan Sarawak berakhir](#)

- [Kes penyakit Kawasaki mungkin meningkat akibat COVID-19 - Pakar perubatan](#)
- [Maszlee Malik dilantik Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Mara Corp](#)
- [Soalan lazim MITI berkaitan PKPB](#)
- [PKPB: Berbaloikah kita bersesak membeli-belah?](#)
- [COVID-19: Koronavirus dikesan dalam air mani pesakit - Penyelidik](#)
- [Undi tidak percaya terhadap Muhyiddin umpama tidak percaya terhadap Agong - Hadi Awang](#)
- [PKP: Siapa yang akan periksa suhu semasa beraya? - Ismail Sabri](#)
- [Dewan Rakyat terima usul undi tidak percaya terhadap Muhyiddin](#)



487

[Penggunaan](#) | [Peta Laman](#) | [Pelabur](#)

© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.